

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

**SULIT**  
**Bahasa Melayu**  
**Kertas 2**  
**Set 2/2002**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH  
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2002**

**BAHASA MELAYU**

Satu jam

**Arahan Am:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan. Anda dikehendaki menjawab **Soalan 1 dan Soalan 2***
2. *Bagi Soalan 1, anda boleh membuat pilihan **sama ada** untuk menjawab Soalan 1 (a) **atau** Soalan 1 (b).*
3. *Bagi tiap-tiap soalan, panjangnya karangan anda mestilah **tidak kurang daripada 80 patah kata dan tidak melebihi 120 patah kata.***

**Soalan:**

1. (a) Andaikan bahawa anda pembangkang dalam suatu pertandingan perbahasan. Tajuk perbahasan itu ialah "Projek Pembangunan Lebih Banyak Membawa Keburukan daripada Kebaikan."

**ATAU**

- (b) Anda masih ingat lagi pengalaman ketika mula-mula belajar menunggang basikal. Ceritakan pengalaman anda itu.
2. Sekolah anda telah mengadakan "Program Celik Komputer.:" Sebagai Pengerusi Kelb Komputer, anda telah diminta menyampaikan ucapan mengenai kebaikan program itu.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## JAWAPAN: SET 2/2002

### 1. (a) **Pendahuluan**

- kata-kata aluan kepada Pengerusi Majlis, panel hakim, para pencadang, dan para hadirin – membangkang tajuk perbahasan

#### **Isi-isi Penting**

- pembangunan banyak membawa kebaikan – mewujudkan peluang pekerjaan – meningkatkan taraf hidup penduduk
- mewujudkan peluang pendidikan yang lebih baik – memperkembang minda masyarakat – memupuk sikap positif
- memperbaiki sistem perhubungan – mengeratkan perpaduan penduduk

#### **Penutup**

- menegaskan bahawa pembangunan lebih banyak membawa kebaikan daripada keburukan

### (b). **Pendahuluan**

- pengalaman ketika belajar menunggang basikal – tidak dapat kulupakan

#### **Isi-isi Penting**

- aku mengayuh sambil dipegang oleh abangku – mengayuh perlahan-lahan – basikal terhoyong-hayang
- beberapa kali terjatuh – tidak melemahkan semangatku – aku bertambah yakin
- aku menunggang tanpa bantuan abangku – tidak dapat mengawal basikal – terbabas ke dalam parit

#### **Penutup**

- kegagalan menjadikan aku lebih tabah – akhirnya berjaya menunggang basikal

### 2. **Pendahuluan**

- kata alu-aluan kepada Pengerusi Majlis, guru-guru dan para pelajar

#### **Isi-isi Penting**

- komputer amat penting – murid-murid perlu mempunyai kemahiran komputer – agar tidak ketinggalan
- program seumpama ini amat berfaedah – memberikan peluang dan bimbingan kepada murid-murid – mengenal dan meminati

- komputer
- murid-murid perlu memanfaatkan peluang – banyak membawa kebaikan

### **Penutup**

- berharap program mendapat sambutan – diadakan secara berterusan